



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JANUARI 2026



KEUTAMAAN NISFU SYAABAN

30 JANUARI 2026M / 11 SYAABAN 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,



Marilah kita mensyukuri keberadaan kita dalam bulan Syaaban, salah satu daripada bulan yang dimuliakan dalam Islam. Telah menjadi kelaziman kepada

Nabi Muhammad ﷺ dalam bulan Syaaban ini, meningkatkan amal ibadah, khasnya solat dan puasa sunat. Begitulah tradisi yang turut diamalkan oleh sahabat dan salafussoleh, yang menjadikan bulan Syaaban sebagai pesta beribadat, seperti memperbanyakkan bacaan al-Quran, sebagai persiapan menjelang Ramadan kelak.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Selain itu, antara bukti limpahan kasih sayang Allah ﷻ kepada kita ialah mengurniakan kelebihan pada malam Nisfu Syaaban. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَيَطَّلِعُ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لَجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ
أَوْ مُشَاحِنٍ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah Taala memerhati pada malam Nisfu Syaaban, lalu mengampunkan (dosa) semua makhluk-Nya kecuali golongan Musyrik dan orang yang bermusuhan”.



Berdasarkan takwim hijriah, Nisfu Syaaban di negara kita akan jatuh pada Maghrib hari Isnin minggu hadapan. Pada malam Nisfu Syaaban, secara tradisinya banyak surau dan masjid menganjurkan bacaan Yasin secara berjemaah. Amalan ini bukan hanya diamalkan di rantau kita sahaja, tetapi turut diamalkan oleh umat Islam terdahulu termasuk di bumi Syam (Syria dan negara sekitarnya). Dalam kitab *Fadhai'l al-Syuhur wa al-Ayyam*, Imam Abdul Ghani bin Ismail al-Nabulusi menyatakan bahawa antara amalan para soleh pada malam Nisfu Syaaban selepas Maghrib, ialah membaca Yasin sebanyak tiga kali.

Imam Ibnu Rajab al-Hanbali  pula berkata: “Pada malam Nisfu Syaaban, para Tabi’in daripada kalangan penduduk Syam mengagungkannya dan bersungguh-sungguh menunaikan ibadah pada malam tersebut. Mereka mendirikan solat-solat sunat di dalam Masjid pada malam Nisfu Syaaban.”

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Marilah kita berazam bersama-sama untuk menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan amal ibadah. Dalam masa yang sama berusaha mengelakkan diri kita daripada menjadi dua golongan yang tidak akan dipandang oleh Allah  pada



malam tersebut, iaitu golongan yang mensyirikkan Allah ﷻ dan yang bermusuhan dengan manusia. Firman Allah ﷻ dalam Surah an-Nisa' ayat 48:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ
فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apapun), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan Syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.”*

Selain itu, elakkan diri kita daripada menyimpan dendam atau rasa permusuhan kepada orang lain, khasnya ahli keluarga, jiran dan orang terdekat. Ingatlah taubat merupakan jalan memohon keampunan terhadap dosa dengan Allah ﷻ, namun dosa sesama manusia perlu kepada kemaafan daripada manusia tersebut.

Firman Allah ﷻ dalam Surah Muhammad ayat 22-23 yang bermaksud:

“(Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhuatirkan - jika kamu dapat memegang kuasa - kamu akan



melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat? (Orang yang melakukan perkara yang tersebut) merekalah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka, dan dibutakan penglihatannya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Selain memperbanyakkan ibadah, umat Islam juga digalakkan untuk berdoa pada malam Nisfu Syaaban. Menurut Imam al-Shafi'i رحمته الله, Nisfu Syaaban adalah merupakan salah satu daripada malam yang dimustajabkan doa. Dalam hadis qudsi riwayat Ibnu Majah, Nabi Muhammad ﷺ bersabda yang bermaksud:

Ketika malam Nisfu Sya'ban tiba, maka beribadahlah di malam harinya dan puasalah di siang harinya. Sesungguhnya rahmat Allah turun ke langit dunia saat tenggelamnya matahari. Kemudian Allah berfirman: “Ingatlah orang yang memohon ampunan kepada-Ku maka Aku ampuni, ingatlah orang yang meminta rezeki kepada-Ku maka Aku beri rezeki, ingatlah orang yang meminta kesihatan kepada-Ku maka Aku beri kesihatan, ingatlah begini, ingatlah begini, sehingga fajar tiba.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah hari ini, mimbar menyeru kepada seluruh umat Islam agar:

PERTAMA: Menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan zikir, tilawah al-Quran, solat, bersedekah dan lain-lain, dengan akidah yang murni dan mengelakkan permusuhan sesama manusia.

KEDUA: Hidupkanlah malam Nisfu Syaaban dengan ibadah seperti bacaan Yasin atau majlis zikrullah di masjid dan surau. Sementara ketua keluarga pula perlu menggalakkan ahli keluarga agar berzikir di rumah.

KETIGA: Qada'lah puasa yang tertinggal pada tahun sebelumnya sebelum kedatangan bulan Ramadan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ أَوْفَيْتُكُمْ بِخَيْرٍ مِّنْ ذَٰلِكُمْ ۚ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ تَجْرَىٰ مِنْ

تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَاجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَانٌ مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ

بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿١٥﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ